

## Majlis Perasmian Pesta Angin Timur Perlis 2019 (2 Mac 2019)

Majlis Perasmian Pesta Angin Timur Perlis 2019 dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan Man bertempat di perkarangan Kompleks Dewan Undangan Negeri, Persiaran Wawasan Perlis. Turut hadir bersama memeriahkan majlis, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Datuk Mohamaddin Bin Ketapi.



Pesta tersebut diadakan bersempena peredaran musim sejuk kepada musim panas dengan berlatarbelakangkan suasana kampung, memaparkan keunikan cara hidup masyarakat petani di utara Semenanjung. Lebih 100,000 pengunjung dijangka menghadiri Pesta Angin Timur (PAT) 2019 yang akan diadakan di perkarangan Kompleks Dewan Undangan Negeri, Persiaran Wawasan di sini.



Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man berkata pesta yang diadakan secara kerjasama kerajaan negeri dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) itu juga dijangka membawa pulangan pelaburan kira-kira RM550,000 berbanding RM500,000 tahun lepas. PAT merupakan antara produk pelancongan di negeri ini dan ia juga telah dimasukkan dalam Kalendar Pelancongan Malaysia.



Tahun ini kita tambah bilangan gerai kepada 170 buah dengan kerjasama 70 agensi daripada pelbagai sektor dan persatuan. orang ramai boleh menyertai pelbagai aktiviti seperti permainan tradisional dan sukan rakyat sepanjang berlangsungnya pesta itu. Pesta Angin Timur (PAT) Perlis yang diadakan bersempena peredaran musim sejuk kepada musim panas dengan berlatarbelakangkan suasana kampung, memaparkan keunikan cara hidup masyarakat petani di utara Semenanjung.



